



MEMO
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)
PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC)
BATU PAHAT, JOHOR DARUL TA'ZIM



Ruj Fail : ADTEC/BP/700-3/4

Tarikh : Feb 2025

PERKARA	PERATURAN PENGAMBILAN PARCEL PELAJAR ADTEC BATU PAHAT	
DARIPADA	Exco Parcel Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2025	SALINAN : 1. TP(L) 2. TP(O) 3. BPPL 4. Penyelaras MPP 5. MPP
KEPADA	Semua pelajar ADTEC Batu Pahat	

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Exco Parcel akan menguruskan bungkusan parcel pelajar yang di alamatkan ke ADTEC Batu Pahat. Bagi melancarkan pengurusan parcel pelajar, berikut disertakan disertakan **peraturan pengambilan parcel di ADTEC Batu Pahat.**

I. Jadual pengambilan parcel

Hari : Isnin – Jumaat

Masa : 5:00 – 5:30 petang (Isnin - Khamis)
4:00 – 4:30 petang (Jumaat)

Tempat Pengambilan : Blok C, Aras bawah, Asrama ADTEC Batu Pahat

- II. Pelajar di kehendaki membawa kad pelajar (NDP) ketika datang ke bilik parcel untuk mengambil parcel.
- III. Hanya parcel sendiri sahaja yang dibenarkan untuk diambil oleh pemilik parcel tersebut.
- IV. Pelajar **tidak dibenarkan** untuk mengambil parcel di lobi ADTEC Batu Pahat tanpa kebenaran dan pengetahuan dari Exco Parcel.
- V. Sebarang kehilangan atau kerosakan pada parcel adalah **atas tanggungjawab pelajar sendiri.**
- VI. Pelajar **dilarang** menggunakan khidmat parcel untuk barang-barang **TERLARANG** seperti **vape , rokok , peralatan elektrik yang tidak dibenarkan (periuk nasi , mini icebox , alatan memasak dan lain-lain)**. Bahagian Pengurusan Pelajar & Latihan (BPPL) akan membuat pemeriksaan terhadap parcel pelajar dan merampas barangan **TERLARANG**.

- VII. Bungkusan parcel hendaklah menggunakan format alamat (mengikut nama di kad pelajar), nombor bilik dan alamat ADTEC Batu Pahat dengan betul.

CONTOH FORMAT ALAMAT

NAMA PENERIMA (CONTOH: MUHAMMAD THAQIF HAKIMI BIN MAT HUSSIN)
NO BILIK (CONTOH C/3/12)
ADTEC BATU PAHAT
KM 8 JALAN TANJUNG LABUH,
MUKIM MINYAK BEKU
83000, BATU PAHAT, JOHOR.

3. Sekian untuk makluman para pelajar. Segala kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih

Yang benar,



.....
(MUHAMMAD THAQIF HAKIMI BIN MAT HUSSIN)
Exco Parcel
Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2025
ADTEC Batu Pahat

Dibenarkan untuk
pelaksanaan peraturan.
para pelajar
sila patuhi
peraturan.
Man
Ts. MARINA BINTI SUKOR
PEN PENGARAH PENGURUSAN PELAJAR & LATIHAN
Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Batu Pahat
KM8, JLN. TG. LABOH, 83000 BATU PAHAT, JOHOR
07-428 7722 / 7733

28/2/25